KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	19.10.22	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	PERHILITAN			

Ular spesies baharu di Tasik Kenyir

HULU TERENGGANU – Seekor ular yang dipercayai spesies baharu ditemui sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Tasik Kenyir.

Pengarah Institut Bioversiti Tropika dan Pembangunan Lestari UMT, Prof. Madya Dr. Amirudin Ahmad berkata, seekor ular berwarna coklat kemerahan tersebut ditemui di kawasan Bukit Lawit, Tasik Kenyir di sini.

Beliau berkata, ular sepanang kira-kira 30 sentimeter itu ditemui melingkar di celah-celah batu di permukaan air berhampiran kawasan bukit berkenaan oleh seorang pembantu penyelidik UMT, Muhamad Fatihah Syafiq Abd. Rahman pada 24 Oktober tahun lalu.

"Ular itu telah ditangkap sebelum diawet bagi tujuan kajian. Kami percaya ia merupakan spesies baru yang masih belum ditemui di kawasan lain.

"Ular yang tidak berbisa tersebut merupakan daripada keluarga Hebius yang biasanya berada di kawasan pergunungan beraltitud tinggi," katanya ketika ditemui di Stesen Penyelidikan Alami Kenyir di sini semalam.

Amirrudin memberitahu, ular di Bukit Lawit berkenaan ditemui di kawasan rendah yang bukan kebiasaan bagi keluarga Hebius.



AMIRRUDIN menunjukan gambar ular spesies baharu yang ditemui di Bukit Lawit, Tasik Kenyir baru-baru ini.

Beliau tidak menolak ia disebabkan kawasan Tasik Kenyir asalnya merupakan kawasan perkampungan yang berbukit-bukau sebelum ditenggelami air bagi dijadikan empangan pada tahun 1980-an.

"Sehubungan itu, kajian lanjut sedang dilakukan terhadap sampel haiwan reptilia dan kawasan habitatnya.

"Sekiranya terbukti benar ular itu merupakan spesies baru, ia merupakan perkembangan memberangsangkan membuktikan kekayaan bioversiti di Tasik Kenyir," katanya.

Amirrudin berkata, selain ular, penyelidik Institut Bioversiti Tropika dan Pembangunan Lestari UMT turut mengkaji flora dan fauna di Tasik Kenyir seperti serangga, ulat, katak, siamang dan ungka serta bunga palma untuk direkodkan.

KOSMO191022-18